

## BAB DUA

### MAF'UL BIH

#### 2.0. Pengenalan

Bab ini membicarakan definisi maf'ul bih, fungsi maf'ul bih dan jenis-jenisnya. Terdapat maf'ul bih yang terhasil daripada kata kerja transitif, kata nama pelaku, kata nama terbitan, kata nama kerja dan kata kerja andaian. Juga dibincangkan agen (عَامِلٌ) yang menasabkan maf'ul bih, keadaan maf'ul bih, berbilang maf'ul bih dengan susunannya mengikut keutamaan, kata kerja transitif yang menasabkan maf'ul bih, menyebut dan menggugurkan maf'ul bih, mendahulukan maf'ul bih dari kata kerja atau sebaliknya, mendahulukan pelaku dari maf'ul bih atau sebaliknya dan bentuk-bentuk maf'ul bih.

#### 2.1. Definisi

Dari sudut bahasa perkataan maf'ul diambil dari kata kerja فَعَلَ (membuat). Kata nama pelakunya فَاعِلٌ yang bermaksud yang membuat dan kata nama objek bagi kata kerja ini ialah مَفْعُولٌ yang bermaksud yang kena

buat. Dari sinilah dikembangkan menjadi istilah kepada kelima-lima jenis maf'ulat yang menjadi bahan kajian dalam tesis ini.

Dari sudut istilah maf'ul bih adalah sesuatu objek yang terkena ke atasnya mana-mana perbuatan yang dilakukan oleh pelakunya (pelaku perbuatan). Ia meliputi sama ada ayat penyata ataupun ayat nafi.<sup>1</sup> Contoh bagi ayat penyata <sup>2</sup> يَطْلُبُ الْعَاقِلُ السَّعَادَةَ (Orang yang berakal menuntut kebahagiaan). Kata kerjanya ialah يَطْلُبُ, pelakunya ialah الْعَاقِلُ dan maf'ul bihnya ialah السَّعَادَةَ. Manakala <sup>3</sup> لَا يَنْسَى الْعَاقِلُ السَّعْيَ الْحَمِيدَ (Orang yang berakal tidak lupa akan usaha yang terpuji) merupakan ayat nafi. Kata kerjanya ialah (يَنْسَى), pelakunya ialah (الْعَاقِلُ) dan maf'ul bih ialah (السَّعْيَ).

## 2.2. Fungsi Maf'ul Bih

Ia adalah objek kepada kata kerja transitif. Contohnya قَرَأْتُ الْقُرْآنَ (aku membaca al-Qur'an). Kata nama al-Qur'an adalah maf'ul bih kepada kata kerja قَرَأْتُ dan ia merupakan objek dalam ayat tersebut.

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Jld. 2, ms. 150; Muhammad 'Aliy 'Ifsy, ms. 166.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

Seterusnya apabila wujudnya maf'ul bih dalam ayat tersebut secara automatik bahawa kata kerja yang terdapat dalam ayat itu merupakan kata kerja transitif bukan lagi kata kerja tak transitif. Ini termasuklah kata kerja walaupun pada asalnya adalah kata kerja tak transitif akan menjadi transitif melalui huruf penambahan. Contohnya:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَذْهَبَ عَنِّي الْأَذَى وَعَافَانِي

(Segala puji bagi Allah s.w.t. yang menjauhkan aku dari segala gangguan dan memberi aku kesihatan). Kata kerja أَذْهَبَ adalah kata kerja transitif dengan penambahan huruf hamzat yang pada asalnya ذَهَبَ yang merupakan kata kerja tak transitif. Pelakunya adalah lafaz yang mulia Allah s.w.t. (الله) dan maf'ul bihnya ialah kata nama الْأَذَى.

Ataupun melalui partikel jar. Contohnya:

إِذَا أَهْمَلَ الطَّالِبُ فِي مُذَاكَرَةِ الدُّرُوسِ انْتَهَى أَمْرُهُ إِلَى الْفَشَلِ

(Apabila murid itu cuai untuk mengulangkaji pelajaran ia akan berkesudahan dengan kegagalan). Perkataan-perkataan (مُذَاكَرَةٌ) dan (الْفَشْلُ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja yang terdahulu iaitu مُذَاكَرَةٌ maf'ul bih

kepada kata kerja أَهْمَلَ manakala الْفَشَلُ maf‘ul bih kepada kata kerja اِنْتَهَى.

Pelakunya adalah اَلطَّالِبُ kata kerjanya ialah اَهْمَلَ dan اِنْتَهَى.

### **2.3. Agen Yang Menasabkan Maf‘ul Bih**

Dalam membincangkan tajuk ini penulis akan menghuraikan pandangan ahli nahu tentang aspek penentuan agen yang menasabkan maf‘ul bih serta jenis-jenis agen.

#### **2.3.1 Teori Penentuan Agen**

Agen (عَامِلٌ) ialah sesuatu yang mempengaruhi bentuk i‘rab di akhir kata.<sup>1</sup> Para ahli nahu berselisih pendapat tentang agen yang menasabkan maf‘ul bih.

##### **(a) Ahli Nahu Kufah**

Mengikut Hisyam bin Mu‘awiyah salah seorang tokoh mazhab Kufah pelaku adalah agen yang menasabkan maf‘ul bih.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup> al-Jurjaniy, ms. 145.

<sup>2</sup> Ibn Jinniy, Juz. 1, ms. 102.

Khalaf al-Ahmar salah seorang mazhab Kufah berpendapat bahawa agen yang menasabkan maf'ul bih adalah makna maf'uliyat yang bermaksud makna kena buat (مَعْنَى الْمَفْعُولِيَّةِ)<sup>1</sup>

Ahli nahu Kufah berpendapat agen yang menasabkan maf'ul bih adalah kata kerja serta pelaku kepada kata kerja tersebut.<sup>2</sup> Contohnya dalam ayat <sup>3</sup> ضَرَبَ زَيْدٌ عَمْرًا (Zayd telah memukul 'Amr). Kata nama (عَمْرًا) sebagai maf'ul bih yang dinasabkan oleh kata kerja (ضَرَبَ) dan kata nama (زَيْدٌ) yang bertindak sebagai pelaku kepada kata kerja (ضَرَبَ). Mereka berhujah bahawa maf'ul bih tidak akan wujud tanpa kata kerja serta pelakunya sama ada ia disebut ataupun ditakwilkan.<sup>4</sup>

Bagi ahli nahu Kufah, kata kerja dan pelakunya berada pada tahap yang sama dari aspek fungsi sebagai agen yang menasabkan maf'ul bih. Ia berdasarkan kepada beberapa fakta iaitu:

(i) Apabila kata kerja dihubungkan dengan ganti nama yang bertindak sebagai pelaku maka huruf ketiganya dibaris matikan. Sebagai

---

<sup>1</sup> al-Anbary, Juz. 1, ms. 79.

<sup>2</sup> al-Dajniy, ms. 253.

<sup>3</sup> al-Dajniy, ms. 253.

<sup>4</sup> al-Anbary, Juz 1, ms. 79.

contohnya ذَهَبَتْ (Awak telah pergi). Huruf ketiga dibaris matikan supaya tidak berhimpun empat huruf yang berbaris secara berterusan dalam satu perkataan.<sup>1</sup> Kalaulah ganti nama yang bertindak sebagai pelaku tidak berada pada tahap yang sama dengan kata kerja kenapakah dibarismatikan (لَا مُنَّ الْفِعْلِ).

(ii) Apabila pelaku kepada kata kerja tersebut feminin (مُؤَنَّثٌ) tanda feminin turut dimasukkan ke dalam kata kerja tersebut. Kalaulah kata kerja tersebut tidak berada pada tahap yang sama dengan pelakunya, sudah tentu tidak dimasukkan tanda feminin pada kata kerja tersebut. Ini adalah disebabkan kata kerja tidak boleh difemininkan. Hanya kata nama sahaja yang boleh difemininkan.

(iii) Pada perkataan حَبَّذَا<sup>2</sup> (alangkah baiknya). Perkataan yang terhasil daripada gabungan kata kerja حَبَّ dan kata nama ذَا. Kedua-duanya berada pada tahap yang sama dan ia di i'rabkan sebagai berada pada tempat nominatif sebagai subjek.

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> al-Anbary, Juz 2, ms. 79.

(iv) Apabila dituturkan kata kerja yang dilakukan oleh seorang pelaku dengan sebutan sama seperti yang dilakukan oleh dua orang pelaku, ini menunjukkan bahawa kata kerja tersebut berada pada tahap yang sama dengan kata nama yang bertindak sebagai pelakunya. Pada dasarnya kata kerja tidak dimuthannakan akan tetapi boleh di muthannakan ialah kata nama sahaja. Sebagai contohnya <sup>1</sup>( أَلْقِيَا فِي جَهَنَّمَ كُلَّ كَفَّارٍ عِنْدِي ) (Humbankanlah oleh kamu berdua, kedalam neraka jahannam tiap-tiap orang yang tetap degil dalam kekufurannya). Kata kerja (أَلْقِيَا) di muthannakan. Sepatutnya jika ayat tersebut bukan merupakan ayat al-Qur'an al-Karim, maka kata kerja tersebut dituturkan dengan (أَلْقَى) sahaja iaitu dimufradkannya, berdasarkan pelaku kepada kata kerja ini iaitu malaikat yang menjaga neraka hanya satu sahaja.

Berdasarkan kepada fakta-fakta serta bukti-bukti di atas, ahli nahu kufah berpendapat bahawa agen yang menasabkan maf'ul bih adalah kata kerja serta pelaku kepada kata kerja tersebut.

(b) Ahli nahu Basrah

Ahli nahu Basrah berpendapat hanya kata kerja berfungsi sebagai agen yang menasabkan maf'ul bih dan dalam masa yang sama ia juga agen

---

<sup>1</sup> Surah al-Qaf, ayat 24.

yang merafa'kan pelaku.<sup>1</sup> Alasan mereka adalah kerana kata kerja memberi kesan kepada sesuatu perbuatan. Pelaku kepada kata kerja tidak memberi kesan terhadap sesuatu perbuatan disebabkan pelaku adalah kata nama. Pada dasarnya kata nama tidak beramal atau berbuat. Apabila ia tidak berbuat tentulah tidak akan meninggalkan sebarang kesan atau pengaruh.<sup>2</sup>

Penulis bersependapat dengan ahli nahu Basrah yang mengatakan bahawa kata kerja sahajalah agen yang menasabkan maf'ul bih. Ini juga berdasarkan kepada ada kalanya maf'ul bih dinasabkan oleh kata kerja andaian. Dan dalam masa yang sama (Di sana tidak terdapat kata nama yang bertindak sebagai pelaku andaian kepada kata kerja).

### **2.3.2 Jenis Agen**

Agen yang menasabkan maf'ul bih adalah seperti berikut:

#### **2.3.2.1. Kata Kerja Transitif**

Kata kerja terbahagi kepada tiga.

##### **(a) Kata Kerja Transitif (Kata Kerja Muta'di)**

Kata kerja transitif ini menasabkan maf'ul bih secara langsung tanpa bantuan mana-mana agen termasuklah tanpa bantuan partikel jar.<sup>3</sup> Kata kerja transitif ini juga dinamakan waqi' (pelaku) kerana kata kerja jenis ini

---

<sup>1</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 5.

<sup>2</sup> al-Anbariy, Juz. 1, ms. 80.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hassan, Juz. 2, ms. 150.



terkena atau terjatuh pada maf'ul bih. Ia juga dinamakan dengan mujawiz (pelampau) kerana kata kerja jenis ini turut melibatkan pelaku dan maf'ul bih secara sekaligus.<sup>1</sup> Sebagai contohnya *إِنَّ خَيْرَ الشَّبَابِ مَنْ حَفِظَ رُجُولَتَهُ*<sup>2</sup> (Sesungguhnya sebaik-baik pemuda ialah sesiapa ataupun orang yang menjaga kelakiannya). Kata kerjanya ialah (حَفِظَ) pelakunya ialah (الشَّبَابُ) dan maf'ul bih ialah (رُجُولَةً). Kata kerja ini (حَفِظَ) dinamakan waqi' (pelaku) kerana ia terkena atau terjatuh pada maf'ul bihnya iaitu (رُجُولَةً). Ia juga dinamakan dengan mujawiz (pelampau) kerana ia turut melibatkan pelakunya (الشَّبَابُ) dan maf'ul bihnya (رُجُولَةً) secara sekaligus.

(b) Kata Kerja Tak Transitif (Kata Kerja Lazim).

Ia tidak menasabkan maf'ul bih secara langsung (dengan dirinya sendiri). Malah ia menasab maf'ul bih dengan bantuan agen-agen yang lain. Di antaranya dengan bantuan huruf jar.<sup>3</sup> Kata kerja jenis ini juga dinamakan dengan kata kerja qasir (terhad). Ia melibatkan pelaku sahaja.<sup>4</sup> Ia juga tidak dinamakan dengan waqi' (pelaku) dan mujawiz (pelampau) sebagaimana

---

<sup>1</sup> al-Sabban, Juz. 2, ms. 87.

<sup>2</sup> Khidr, ms. 41.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 151.

<sup>4</sup> al-Sabban, Juz. 2, ms. 87.

kata kerja transitif. Contohnya dalam ayat <sup>1</sup> قَامَ زَيْدٌ (Zayd telah berdiri), kata kerjanya ialah (قَامَ) dan pelakunya ialah (زَيْدٌ). Kata kerja lazim (tak transitif) boleh menjadi transitif ataupun dinamakan dengannya (dengan transitif) melalui bantuan huruf jar.<sup>2</sup> Sebagai contohnya

إِذَا أَسْرَفَ الْأَحْمَقُ فِي مَالِهِ انْتَهَى أَمْرُهُ إِلَى الْفَقْرِ وَقَعَدَ فِي بَيْتِهِ مَلُومًا مَحْسُورًا<sup>3</sup>

(Apabila orang bodoh membazirkan hartanya ia akan membawa kefaqiran dan ia duduk atau tinggal di rumahnya dalam keadaan terhina tercela serta menyesal). Pelakunya ialah (الْأَحْمَقُ) kata kerja ialah (قَعَدَ dan انْتَهَى).

Perkataan-perkataan (بَيْتٌ dan فَقْرٌ) dari sudut maknanya adalah maf'ul bih kepada kata kerja yang terdahulu. Iaitu (مَالٌ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (أَسْرَفَ). Manakala (فَقْرٌ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (انْتَهَى) dan (بَيْتٌ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (قَعَدَ). Adapun dari sudut istilah perkataan-perkataan (مَالٌ ، فَقْرٌ dan بَيْتٌ) bukan merupakan maf'ul bih kepada kata kerja-kata kerja (قَعَدَ dan انْتَهَى). Ini adalah

<sup>1</sup> al-Hamdaniy al-Masriy, Juz. 1, ms. 534.

<sup>2</sup> al-Hamdaniy al-Masriy, Juz. 1, ms. 534.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 151.

disebabkan kata kerja-kata kerja tersebut tidak memberi makna yang boleh difahami secara tepat apabila dikaitkan dengan maf'ul bih- maf'ul bih di atas tanpa menggunakan wasit (perantara). Huruf jar-huruf jar (إِلَى dan فِي) merupakan wasit (perantara) di antara kata kerja-kata kerja (أَسْرَفَ dan قَعَدَ) dengan maf'ul bih- maf'ul bih (مَالٌ، فَفَقِرَ dan بَيْتٌ) (إِنْتَهَى) ini iaitu (مَالٌ، فَفَقِرَ dan بَيْتٌ) pada zahirnya majrur dengan huruf jar-huruf jar (إِلَى dan فِي) tetapi dari sudut makna ia mengandungi hukum maf'ul bih kepada kata kerja-kata kerja<sup>1</sup> (أَسْرَفَ، إِنْتَهَى dan قَعَدَ).

(c) Jenis kata kerja yang ketiga ialah hanya digunakan untuk transitif dan boleh juga digunakan untuk lazim iaitu tak transitif. Di antaranya kata kerja<sup>2</sup> (نَصَحَ dan شَكَرَ). Sebagai contohnya شَكَرْتُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَنْعَمَ<sup>3</sup> (Aku bersyukur kepada Allah atau bagi Allah di atas apa yang diberi nikmat atau di atas nikmatnya). Pelakunya adalah ganti nama (تُ) dan kata kerjanya adalah

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hassan, Juz. 2, ms. 151.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Li. 'Abbas Hassan, Juz. 2, ms. 163.

(شكر).<sup>1</sup> نَصَحْتُ لِلْعَافِلِ بِأَنْ يَشْكُرَهُ (Aku menasihati kepada atau bagi orang yang lalai atau bodoh supaya menyukuriNya) pelakunya adalah ganti nama (تُ) dan kata kerjanya adalah (نَصَحَ dan شَكَرَ) di dalam kedua-dua contoh di atas adalah kata kerja lazim ataupun tak transitif. Bagi kedua-dua kata kerja (نَصَحَ dan شَكَرَ) boleh juga berfungsi sebagai kata kerja transitif. Sebagai contoh<sup>2</sup> شَكَرْتُ اللَّهَ عَلَى مَا أَعْزَمَ (Aku bersyukur kepada Allah di atas segala nikmat). Pelaku adalah ganti nama (تُ) kata kerjanya adalah (شَكَرَ) maf'ul bihnya adalah lafaz yang mulia (الله).<sup>3</sup> وَنَصَحْتُ الْعَافِلِ بِأَنْ يَشْكُرَهُ (Aku menasihati orang yang lalai atau bodoh supaya menyukuriNya). Pelakunya ialah ganti nama (تُ) kata kerjanya ialah (نَصَحَ) dan maf'ul bihnya ialah (الْعَافِلِ).

Ada pendapat yang mengatakan, jenis yang ketiga bagi kata kerja ialah kata kerja yang bukan merupakan ia adalah kata kerja transitif dan ia

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Ibid.

<sup>3</sup> Ibid.

juga bukan merupakan kata kerja bukan transitif ataupun lazim. Ia adalah kata kerja (كَانَ) dan golongannya.<sup>1</sup> Sebagai contohnya<sup>2</sup>( وَكَانَ رَبُّكَ قَدِيرًا ) (Dan sememangnya Tuhan mu berkuasa (menciptkan apa jua yang dikendakiNya)). Kata nama (قَدِيرًا) adalah prediket kepada kata kerja (كَانَ) bagi pendapat al-Basriyyun. Manakala pada pendapat al-Kufiyyun kata nama (قَدِيرًا) ialah hal kepada kata kerja (كَانَ) atau pun yang menyerupainya.<sup>3</sup> Berdasarkan kepada pendapat al-Basriyyun dan pendapat al-Kufiyyun terhadap kata nama (قَدِيرًا), penulis membuat kesimpulan, bahawa kata kerja (كَانَ) dan saudara maranya (kumpulannya) tidak boleh dikategorikan sebagai salah satu dari tiga jenis kata kerja-kata kerja (ataupun dalam kata lain ia tidak boleh dimasukkan ke dalam kumpulan yang tiga dari kata kerja-kata kerja).

Untuk menentukan sesuatu kata kerja tersebut adalah kata kerja transitif ahli-ahli nahu menggariskan ia mempunyai dua ciri atau pun tanda<sup>4</sup> yang pertama kata kerja tersebut bersambung ataupun berhubung dengan kata ganti nama seperti (أَهْلَاءَ). Kata ganti nama ini hendaklah kembali

---

<sup>1</sup> Ibn Hisyam al-Ansariy al-Masriy, Juz. 2, ms. 11

<sup>2</sup> al-Furqan, ayat 54.

<sup>3</sup> al-Azhariy, Juz. 1, ms. 308

<sup>4</sup> al-Sabban, Juz. 2, ms. 87.

kepada kata nama yang mendahuluinya sama ada kata nama yang mendahului kata ganti nama (أَهْلَاءُ) ia merupakan kata nama konkrit (Jamid) ataupun kata nama terbitan (Musytaq) ia hendaklah bukan terdiri dari nama terbitan dan ia bukan merupakan kata keterangan (zarf).<sup>1</sup>

Sebagai contoh <sup>2</sup> بِجَمَلٍ بِالْفَضْلِ يَلِيَةً تَجْمُلًا كَانَ يَتَجَمَّلُهُ سَلْفُكَ الصَّالِحِ

(perelokkanlah (hiasilah) diri kamu (hidup kamu) secara bersungguh-sungguh dengan kelebihan (kebaikan) kerana orang-orang baik yang mendahului kamu berbuat sedemikian). Kata kerja ialah (يَتَجَمَّلُ) dan

pelakunya adalah (سَلْفُكَ). Kata kerjanya (يَتَجَمَّلُ) bukanlah merupakan kata

kerja transitif kerana ia didahului oleh kata nama (تَجْمُلًا) merupakan masdar

(nama terbitan). (Aku telah melawatnya pada hari Jumaat) <sup>3</sup> (يَوْمَ الْجُمُعَةِ زُرْتُهُ).

Kata kerjanya ialah (زَارَ) dan pelakunya ialah kata gantinama (ت). Kata

kerja (زَارَ) bukanlah merupakan kata kerja transitif kerana ia didahului oleh

kata nama (يَوْمَ) yang merupakan zarf (kata keterangan). <sup>4</sup> الصُّحُفَ أَخَذْتُهَا

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 152.

<sup>2</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 1, ms. 34

<sup>3</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 1, ms. 34.

<sup>4</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 152

(Suhuf-suhuf aku telah ambilnya). Kata kerjanya ialah (أَخَذَ) pelakunya ialah kata gantinama (تُ) maf'ul bihnya ialah (الْصُّحُفَ). Kata kerja (أَخَذَ) adalah kata kerja transitif kerana ia tidak didahului oleh sama ada zarf (kata keterangan) dan juga ia tidak didahului oleh nama terbitan (masdar). Di samping itu pula, maknanya boleh difahami dengan jelas dan struktur ayatnya betul serta tepat.

Yang kedua, boleh dibuat kata nama objek yang sempurna bagi kata kerja tersebut tanpa menggunakan partikel jar. Sebagai contoh <sup>1</sup>البَابُ مَفْتُوحٌ (pintu terbuka atau dibuka). Kata nama objek adalah (مَفْتُوحٌ). Kata nama objek ini boleh difahami maknanya dengan jelas dan tepat tanpa menggunakan partikel jar. Oleh itu kata kerja (فَتَحَ) adalah kata kerja transitif. Dari sudut i'rab (البَابُ) adalah subjek manakala kata nama objek (مَفْتُوحٌ) adalah prediket. <sup>2</sup>الْحُجْرَةُ مَقْعُودٌ فِيهَا (bilik itu diduduki di dalamnya).

Kata nama objek adalah (مَقْعُودٌ). Kata nama objek ini tidak boleh difahami maknanya dengan jelas dan tepat tanpa penggunaan partikel jar. Oleh itu

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 153.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hassan, Juz. 2, ms. 153.

kata kerja (فَعَدَّ) bukanlah kata kerja transitif. Dari sudut i'rab (الْحُجْرَةُ) adalah subjek manakala kata nama objek (مَفْعُولٌ) adalah prediket.

### 2.3.2.2. Kata Nama Pelaku

Selain dari kata kerja transitif, kata nama pelaku juga menasabkan maf'ul bih. Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) ialah kata nama sifat yang mengandungi makna atau (yang terkandung di dalamnya) peristiwa dan pelaku. Ia selari dengan kata kerja kala kini (al-mudar'ī) dari sudut gender dan dari sudut baris.<sup>1</sup> Sebagai contoh يَأْمُوقِدًا نَارًا لِعَيْرِكَ ضَوْؤُهَا<sup>2</sup> (Hai orang yang menyalakan api untuk menerangkan orang lain). Kata nama pelaku dalam ayat ini ialah (مُوقِدًا) dan ia menasabkan maf'ul bih نَارًا. Jika dikembalikan kata nama pelaku ini kepada kata kerja ia akan menjadi (يُوقِدُ).

Kalau kata kerja (يُوقِدُ) diletakkan dalam ayat sebagaimana kata nama pelaku ia akan berbunyi يَا مَنْ يُّوقِدُ نَارًا لِعَيْرِكَ ضَوْؤُهَا (Wahai orang yang menyalakan api untuk memberi cahaya atau menerangkan orang lain

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 43

<sup>2</sup> Khidr, ms. 43.



daripada kamu (nya)). Manakala kata kerja (يُوقَدُ) menasabkan maf'ul bihnya (نَارًا).

<sup>1</sup> (إِنَّ اللَّهَ بِأَلْعِ أَمْرُهُ) (Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang

dikehendakiNya). Kata nama pelaku di sini ialah (بَالِعٌ). Ia menasabkan

maf'ul bih <sup>2</sup>(أَمْرُهُ). Kalaulah ayat di atas bukan merupakan ayat suci al-

Qur'an apabila dikembalikan kata nama pelaku (بَالِعٌ) kepada kata kerja ia

akan menjadi (يَبْلُغُ). Kalau kata kerja (يَبْلُغُ) diletakkan di dalam ayat

sebagaimana kata nama pelaku ia akan berbunyi إِنَّ اللَّهَ يَبْلُغُ أَمْرَهُ

(Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang

dikehendakiNya). Maka kata kerja (يَبْلُغُ) menasabkan maf'ul bihnya

(أَمْرَهُ).

---

<sup>1</sup> Surah al-Talaq, ayat 3.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Juz. 10, ms. 121; Wahabat al-Zuhailiy, Juz. 28, ms. 263.

### 2.3.2.3. Kata Nama Terbitan

Kata nama terbitan (المَصْدَرُ) ialah kata nama yang hanya mengandungi makna peristiwa yang tidak terikat dengan masa yang tertentu.<sup>1</sup>

Selain dari kata kerja transitif, maf'ul bih juga boleh dihasilkan oleh kata kata nama terbitan.<sup>2</sup> Sebagai contohnya <sup>3</sup>( وَآلُونَ دَفَعُ اللَّهُ النَّاسَ ) (Dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia yang ingkar dan derhaka). Kata nama terbitan di dalam ayat ialah (دَفْعُ). Ia menasabkan maf'ul bih <sup>4</sup>(النَّاسَ). Jika ayat di atas bukan merupakan ayat suci al-Qur'an al-Karim apabila dikembalikan kata nama terbitan (دَفْعُ) kepada kata kerja ia akan menjadi (يَدْفَعُ). Sekiranya kata kerja (يَدْفَعُ) dibubuh di dalam ayat sebagaimana kata nama terbitan ia akan berbunyi (وَآلُونَ يَدْفَعُ اللَّهُ النَّاسَ) (Dan kalaulah Allah tidak menolak setengah manusia yang ingkar dan derhaka). Maka kata kerja (يَدْفَعُ) menasabkan maf'ul bih (النَّاسَ).

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 446.

<sup>2</sup> 'Ibn Hisyam, ms. 214.

<sup>3</sup> Surah al-Baqarat, ayat 251.

<sup>4</sup> .al-Darwisy, Juz. 1, ms. 374; al-Zuhailiy, Juz. 2, ms. 426.

#### 2.3.2.4. Kata Nama Kerja (اسْمُ الْفِعْلِ)

Kata nama kerja (اسْمُ الْفِعْلِ) ialah kata nama yang mengandungi makna kata kerja tetapi ia tidak dipengaruhi oleh agen kata kerja sama ada agen yang menasabkannya dan yang menjazamkannya.<sup>1</sup>

Selain dari kata kerja transitif, maf'ul bih juga boleh dinasabkan oleh kata nama kerja.<sup>2</sup> Contohnya ﴿عَلَيْكُمْ أَنْفُسُكُمْ﴾<sup>3</sup> (Jagalah sahaja diri kamu dari melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah). Kata nama kerja suruhan (arahan) di dalam ayat suci al-Qur'an tersebut ialah (عَلَيْكُمْ). Kata nama kerja ini membawa makna (الرُّمُؤَا). Ia menasabkan objek<sup>4</sup> (أَنْفُسُكُمْ). Kata nama kerja (عَلَيْكُمْ) ini juga boleh membawa makna (احْفَظُوا) iaitu hendaklah kamu menjaga serta mengawasi. Ia juga menasabkan maf'ul bih (أَنْفُسُكُمْ).

---

<sup>1</sup> al-Diqr, ms. 48; Imil Bad'i Ya'qub, ms. 59.

<sup>2</sup> Khidr, ms. 43

<sup>3</sup> Surah al-Ma'idat, ayat 105.

<sup>4</sup> al-Darwisy, Juz. 3, ms. 23.

### 2.3.2.5. Kata Kerja Andaian (الْفِعْلُ الْمُقَدَّرُ)

Kata kerja andaian ialah kata kerja yang tidak disebut dalam ayat tetapi ia difahami mengikut konteks ayat.

Maf'ul bih juga boleh dihasilkan oleh kata kerja andaian. Mengikut pendapat Ibn Hisyam ia terbahagi kepada lima jenis iaitu<sup>1</sup>

a) Al-Munada (الْمُنَادَى). Sebagai contohnya<sup>2</sup> يَا عَبْدَ اللَّهِ (Wahai Abdullah).

Dalam ayat ini, (عَبْدَ اللَّهِ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (أَدْعُو)

yang pada asalnya ialah يَا أَدْعُو عَبْدَ اللَّهِ (Wahai aku menyeru Abdullah). Jika

dihuraikan ayat ini, يَا adalah huruf peringatan (حَرْفُ تَنْبِيهِ) manakala أَدْعُو pula

adalah فِعْلٌ مُضَارِعٌ (Kata kerja yang sedang berlaku) yang mengandungi

makna الْإِنْشَاءُ (perintah). Maka apabila ia membawa makna الْإِنْشَاءُ,

kenyataan ini tidak boleh diiakan dan dalam masa yang sama juga ia tidak

---

<sup>1</sup> Khidr, ms. 43.

<sup>2</sup> Muhammad 'Abd al-Badi', ms. 226.

boleh dinafikan ataupun disangkalkan. Pelakunya tidak dinyatakan secara jelas malah ia tersembunyi <sup>1</sup>(مُسْتَتِرٌ).

b) Al-Ikhtisas ( الْإِخْتِصَاصُ ). Al-Ikhtisas ialah kata nama nyata (ظَاهِرٌ) yang mana agen yang menasabkannya ialah kata kerja yang hendak dibuang. Kata kerja tersebut diandaikan sama ada أَحْصُ (aku mengkhususkan) ataupun أَعْنِي (aku bermaksud).<sup>2</sup>

Sebagai contohnya <sup>3</sup> نَحْنُ الْمَمَّارِيُّونَ أَسَاتِدَةُ الْعَالَمِ الْقَدِيمِ (Kami orang-orang Mesir adalah guru kepada ketamadunan pada masa lampau).<sup>4</sup> الْمَمَّارِيُّونَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian iaitu أَحْصُ.<sup>4</sup>

Ikhtisas juga boleh terjadi dengan إِضَافَةٌ (Idafah). Seterusnya ikhtisas juga boleh dihasilkan dengan perkataan أَيُّ dan أَيَّةُ. أَيُّ digunakan untuk مُذَكَّرٌ (maskulin) manakala أَيَّةُ pula digunakan untuk مُؤَنَّثٌ (feminin).

---

<sup>1</sup> Ibn Hisyam, ms. 215

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 22.

<sup>3</sup> 'Abd al-'Alim Ibrahim, ms. 80.

<sup>4</sup> Mahdi al-Makhzumi, ms. 82; Abd al-Salam Muhammad Harun, ms. 149.

Sebagai contohnya <sup>1</sup> اِتَّبِعُونِي أَيُّهَا الْمُرْشِدُونَ تَفُوزُوا (Ikutilah aku wahai orang yang mempunyai pemikiran waras nescaya kamu akan memperoleh kemenangan serta kejayaan). (أَيُّ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (أَخْصُ). Kata kerja ini hendaklah dibuang.<sup>2</sup> Bagi feminin pula contohnya <sup>3</sup> اُعْفُ عَنَّا أَيُّهَا الْفِئَةُ النَّادِمَةُ (Ampunlah serta maafilah kami wahai golongan atau pasukan yang menyesal). (أَيُّة) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (أَخْصُ). Bagi al-ikhtisas selain dari kata kerja andaian (أَخْصُ) terdapat juga kata kerja andaian yang lain iaitu (أَعْنِي). Sebagai contohnya <sup>4</sup>

نَحْنُ اللَّبْنَانِيُّونَ نَحِبُّ الْعِلْمَ (kami orang-orang Lubnan cintakan ilmu pengetahuan). Kata nama (اللُّبْنَانِيُّونَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (أَعْنِي) juga kata kerja andaian (أَخْصُ).

<sup>1</sup> 'Aliy al-Jarim dan Mustafa Amin, Juz. 3, ms. 64.

<sup>2</sup> Abd al-Salam Muhammad Harun, ms. 149; Mahdi al-Makhzumiy, ms. 82.

<sup>3</sup> 'Aliy al-Jarim dan Mustafa Amin, Juz. 3, m:s 64.

<sup>4</sup> Imil Bad'i Ya'qub, ms. 45.

c) Al-Ishtighal (الإشْتِغَالُ). Sebagai contohnya <sup>1</sup>زَيْدًا ضَرَبْتُهُ (Zayd telah aku pukulnya). Maka kata nama (زَيْدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (ضَرَبْتُهُ).

d) Al-Ighra' (الإِغْرَاءُ). Al-ighra ialah mengingatkan pendengar supaya melakukan perbuatan yang terpuji.<sup>2</sup>

Sebagai contohnya <sup>3</sup>الَّتَرْوِي قَبْلَ الإِقْدَامِ حَتَّى لَا تَنْدَمُوا<sup>3</sup> (Hendaklah berfikir panjang serta meneliti sebelum mara supaya kamu tidak menyesal). Kata nama (الَّتَرْوِي) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian iaitu الزَّمُّ (kekalkan) atau إِحْفَظْ (jagalah). Al-Ighra' digunakan untuk memberi peringatan kepada orang yang ditujukan percakapan (الْمُخَاطَبُ) supaya melakukan perkara yang terpuji sahaja.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Ibn Hisyam, ms. 215.

<sup>2</sup> al-Diqr', ms. 43; 'Aliy Rida, Juz. 2, ms. 21.

<sup>3</sup> Abd al-'Alim Ibrahim, ms. 80.

<sup>4</sup> Ibn Hisyam, ms. 222; al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 20.

Seterusnya maf'ul bih dalam gaya bahasa al-Ighra' (الإغراء) terbahagi

kepada dua bentuk.

(i) Dalam bentuk 'atf dengan partikel penghubung.

Contohnya <sup>1</sup> وَالْأَهْلَ وَالْوَالِدَ (Jagalah keluarga dan anak). Kata nama (الْأَهْلَ) dan kata nama (الْوَالِدَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (احْفَظْ).

(ii) Dalam bentuk pengulangan (التكرار). Contohnya <sup>2</sup> أَلْعَهْدَ أَلْعَهْدَ

(tepati janji). Kata nama (أَلْعَهْدَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (الزَمَ) atau (احْفَظْ).

e) Amaran (التَّحْذِيرُ). Amaran (التَّحْذِيرُ) ialah mengingatkan pendengar supaya mengelakkan dari melakukan perbuatan yang buruk.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 20.

<sup>2</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 20.

<sup>3</sup> 'Aliy Rida, Juz. 2, ms. 21.



Contohnya <sup>1</sup>الْأَسَدَ الْأَسَدَ. Kata nama (الْأَسَدَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (اِحْدَنْ) atau <sup>2</sup>وَإِيَّاكَ وَالْأَسَدَ (Hendaklah kamu berwaspada serta berjaga-jaga akan diri kamu daripada keganasan singa). Kata nama <sup>3</sup>الْأَسَدَ maf'ul bih kepada kata kerja andaian (اتَّقِ). Al-tahdhir (التَّحْذِيرُ) digunakan untuk memberi peringatan serta amaran kepada orang yang ditujukan percakapan (الْمُخَاطَبُ) supaya berwaspada daripada sama ada melakukan perbuatan yang tidak baik, atau pun menjadi mangsa perbuatan yang tidak baik. Seterusnya maf'ul bih yang terhasil dengan kata kerja andaian (اِحْدَنْ) dan (اتَّقِ) melalui al-tahdhir (التَّحْذِيرُ) dalam dua bentuk. Pertama apabila di 'atf <sup>3</sup>(عَطْفٌ) Sebagai contohnya <sup>4</sup>( نَاقَةَ اللَّهِ وَسُقْيَاهَا ) (Janganlah kamu ganggu unta betina dari Allah itu dan janganlah kamu menyekatnya daripada mendapat air minumnya supaya kamu tidak ditimpa azab). Kata nama (نَاقَةَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (اِحْدَنْ) atau (اتَّقِ). Kedua apabila diulang ataupun terdapat pergulungan (التَّكْرَارُ).

<sup>1</sup> al-Khalil, ms. 55.

<sup>2</sup> al-Zamakhshariy, ms. 48.

<sup>3</sup> al-Sayutiyy, Juz. 2, ms. 17.

<sup>4</sup> Surah al-Syams, ayat 13.

Sebagai contohnya **أَجِدُّدَارَ أَلْجِدَارِ**<sup>1</sup> (Awasilah kamu akan kemerbahayaan tembok ataupun dinding). Kata nama (**أَلْجِدَارِ**) adalah maf'ul bih kepada kata kerja andaian (**أَخَذَرُ**) atau (**اتَّقَى**)

## 2.4. Keadaan Maf'ul Bih

Maf'ul bih terdapat dalam tiga keadaan. Iaitu:

### 2.4.1. Maf'ul Bih Satu Sahaja.

Kata kerja transitif yang menasabkan satu maf'ul bih sahaja. Sebagai contohnya **عَدْلُ الْحَاكِمِ يَكْفُلُ السَّعَادَةَ لِلْمَحْكُومِينَ**<sup>2</sup> (keadilan pemerintah menjamin kebahagiaan serta kesejahteraan orang-orang yang diperintah). Kata kerja transitif (**يَكْفُلُ**) hanya menasabkan satu maf'ul bih sahaja iaitu (**السَّعَادَةَ**). Manakala pelaku kepada kata kerja transitif (**يَكْفُلُ**) ialah kata nama statik mujarad (**جَامِدٌ مَعْنَى**) iaitu (**عَدْلٌ**).

---

<sup>1</sup> Ibn Hisyam, ms. 105.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 176.

## 2.4.2. Maf'ul Bih Dua Sahaja

Kata kerja transitif yang menasabkan dua maf'ul bih. Kedua-dua maf'ul bih yang dinasabkan oleh kata kerja transitif ini terbahagi kepada dua jenis:

(a) Kedua-dua maf'ul bih ini pada asalnya merupakan subjek dan prediket dalam ayat. Contohnya <sup>1</sup> رَأَيْتُ النَّظَامَ ضَرُورِيًّا (Saya berpendapat bahawa peraturan adalah perlu). Maf'ul bih yang pertama di sini ialah kata nama النَّظَامَ manakala maf'ul bih yang kedua ialah kata nama (ضَرُورِيًّا). Kata kerja yang menasabkan kedua-dua maf'ul bih tersebut ialah (رَأَى). Pelaku kepada kata kerja transitif (رَأَى) ialah ganti nama ت. Pada asalnya ayat ini berbunyi النَّظَامُ ضَرُورِيٌّ (peraturan adalah penting). Kata nama (النَّظَامُ) merupakan subjek manakala kata nama (ضَرُورِيٌّ) merupakan prediket.

---

<sup>1</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1035.

Maf'ul bih dalam kategori ini terbahagi kepada tiga keadaan iaitu:

i) Boleh didahulukan prediket dari subjek ataupun sebaliknya.

Sebagai contoh <sup>1</sup> *الْصَّبْرُ أَنْفَعُ فِي الشَّدَائِدِ* (Kesabaran itu lebih penting ketika menghadapi detik-detik genting). Jika didahulukan subjek dari prediket ayat ini akan berbunyi *حَسِبْتُ الصَّبْرَ أَنْفَعًا فِي الشَّدَائِدِ*<sup>2</sup> (Aku menganggap kesabaran itu lebih berguna ketika menghadapi detik-detik genting).. Sebaliknya apabila didahulukan prediket dari subjek ayat ini berbunyi *أَنَا أَصْبِرُ فِي الشَّدَائِدِ الصَّبْرَ* (Aku menganggap perkara yang paling berguna di dalam menghadapi detik-detik genting adalah kesabaran). Tetapi mendahulukan subjek dari prediket adalah lebih diutamakan.<sup>3</sup>

ii) Hendaklah didahulukan maf'ul bih yang pertama dari maf'ul bih yang kedua. Ini sekiranya subjek mesti mendahului prediket. Sebagai contoh <sup>4</sup> *ظَنَنْتُ خَالِدًا مَحْمُودًا* (Aku menyangka Khalid adalah sama seperti Mahmud). Maka di dalam ayat ini, didahulukan maf'ul bih yang pertama (*خَالِدًا*) dari maf'ul bih yang kedua (*مَحْمُودًا*). Sekiranya didahulukan maf'ul

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 176.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 176.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

bih yang kedua (مَحْمُودًا) dari maf'ul bih yang pertama (خَالِدًا), ia akan membawa kesilapan dari sudut makna yang dikehendaki. Kenyataan ini berdasarkan kepada ayat ini pada asalnya, berbunyi خَالِدٌ مَحْمُودٌ<sup>1</sup> (Khalid seperti Mahmud). Maksud ayat ini ialah خَالِدٌ كَمَحْمُودٍ (Khalid seperti Mahmud).

iii) Hendaklah didahulukan maf'ul bih yang kedua dari maf'ul bih yang pertama. Sekiranya terdapat (ganti nama) pada maf'ul bih yang pertama, yang mana ganti nama tersebut ditujukan kepada maf'ul bih yang kedua. Sebagai contohnya ظَنَنْتُ فِي الْبَيْتِ صَاحِبَهُ<sup>2</sup> (Aku menyangka di dalam rumah itu ada tuannya). Maka di dalam ayat ini didahulukan maf'ul bih yang kedua (فِي الْبَيْتِ) dari maf'ul bih yang pertama (صَاحِبَهُ). Ayat ini pada asalnya berbunyi فِي الْبَيْتِ صَاحِبُهُ (Di dalam rumah itu ada tuannya) yang mana

(فِي الْبَيْتِ) adalah prediket dan (صَاحِبُهُ) adalah subjek.

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 176.

(b) Maf'ul bih- maf'ul bih ini pada asalnya bukan terdiri daripada subjek dan prediket. Dari sudut susunannya terbahagi kepada tiga keadaan.

i) Boleh didahulukan maf'ul bih kedua atau pertama. Sebagai contohnya jika didahulukan maf'ul bih yang pertama

<sup>1</sup> أَعْطَيْتُ الزَّائِرَ الْوَرْدَةَ مِنَ الْحَدِيقَةِ (Aku telah memberikan kepada pelawat itu bunga mawar dari taman). Di dalam ayat ini didahulukan maf'ul bih yang pertama iaitu (الزَّائِرَ) daripada maf'ul bih yang kedua (الْوَرْدَةَ). Jika dikaji dari sudut makna kata nama (الزَّائِرَ) adalah orang yang mengambil. Maka dalam masa yang sama kata nama (الزَّائِرَ) ini adalah pelaku kepada kata kerja ambil.

Manakala kata nama (الْوَرْدَةَ) pula adalah sesuatu yang diambil. Maka dalam masa yang sama kata nama (الْوَرْدَةَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja ambil. Jika didahulukan maf'ul bih yang kedua dari maf'ul bih yang pertama ayat ini berbunyi <sup>2</sup> أَعْطَيْتُ وَرْدَةً مِنَ الْحَدِيقَةِ الزَّائِرَ (Aku telah memberi bunga mawar yang dipetik dari taman kepada seorang pelawat). Di dalam

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 177

<sup>2</sup> Ibid.

ayat ini didahulukan maf'ul bih yang kedua (وَزِدَّةً) dari maf'ul bih yang pertama (الزَّائِرِ).

ii) Hendaklah didahulukan maf'ul bih yang pertama dari maf'ul bih yang kedua. Ia mempunyai tiga keadaan.

\* Untuk mengelakkan berlakunya sebarang kekeliruan. Sebagai contohnya <sup>1</sup> أَعْطَيْتُ مُحَمَّدًا زَمِيلاً فِي السَّفَرِ (Aku telah menyediakan kepada Mahmud seorang kawan ketika dalam pelayaran). Di dalam ayat ini maf'ul bih yang pertama didahulukan iaitu (مُحَمَّدًا) dari maf'ul bih yang kedua (زَمِيلاً). Jika dikaji dari sudut makna kata nama (مُحَمَّدٌ) adalah orang yang mengambil (الآخِذُ). Dan dalam masa yang sama (مُحَمَّدٌ) adalah pelaku kepada kata kerja ambil. Maka kata nama (زَمِيلاً) adalah maf'ul bih kepada kata kerja ambil. Di dalam keadaan ini, tidak boleh didahulukan maf'ul bih yang kedua (زَمِيلاً) dari maf'ul bih yang pertama (مُحَمَّدٌ). Ini disebabkan, ia akan membawa kepada kekeliruan, di dalam menentukan siapakah pelaku

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 177.

(الآحِدُ) di antara kata nama (مَحْمُودًا) dan kata nama (زَمِيلاً) jika didahulukan maf'ul bih yang kedua dari yang pertama.

\* Maf'ul bih yang pertama adalah ganti nama bersambung, dan maf'ul bih kedua adalah kata nama zahir. Sebagai contohnya <sup>1</sup> أُعْطَيْتُكَ الْكِتَابَ (Aku telah memberikan engkau buku). Maf'ul bih yang pertama ialah ganti nama yang berhubung iaitu (كَ). Manakala maf'ul bih yang kedua ialah kata nama zahir iaitu (الْكِتَابَ).

\* Maf'ul bih yang kedua adalah dalam bentuk terhad. Sebagai contohnya <sup>2</sup> لَا أَكْسُو الْأَوْلَادَ إِلَّا الْمُنَاسِبَ (Aku tidak memberi pakaian kepada kanak-kanak kecuali ia sesuai dengan mereka). Maf'ul bih yang pertama ialah kata nama (الْأَوْلَادَ). Manakala maf'ul bih yang kedua pula ialah kata nama (الْمُنَاسِبَ). Jika didahulukan maf'ul bih yang kedua dari maf'ul bih yang pertama akan hilang fungsi maf'ul bih yang kedua iaitu kata nama (الْمُنَاسِبَ) sebagai sesuatu yang terhad.

---

<sup>1</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1035.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 177.



iii) Mendahulukan maf'ul bih kedua dari maf'ul bih yang pertama. Ia mempunyai tiga keadaan.

\* Maf'ul bih yang pertama dalam bentuk terhad setelah dimasukkan perkataan (إِلَّا). Sebagai contohnya مَا أُعْطِيتُ الْمَالَ إِلَّا الْفَقِيرَ<sup>1</sup> (Aku telah tidak memberi harta kepada sesiapa pun kecuali kepada orang miskin sahaja). Maf'ul bih yang pertama ialah kata nama (الْفَقِيرَ) dan maf'ul bih yang kedua kata nama (الْمَالَ).

\* Ganti nama bagi maf'ul bih kedua bersambung dengan maf'ul bih pertama seperti أَسَكَنْتُ الْبَيْتَ صَاحِبَهُ<sup>2</sup> (Aku menempatkan penghuni rumah tersebut oleh tuannya). Maf'ul bih yang pertama ialah kata nama (صَاحِبَهُ) dan maf'ul bih yang kedua ialah kata nama (الْبَيْتَ). Didahulukan maf'ul bih yang kedua (الْبَيْتَ) daripada maf'ul bih yang pertama (صَاحِبَهُ) kerana terdapat

---

<sup>1</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1036.

<sup>2</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 178.

ganti nama pada maf'ul bih yang pertama (صَاحِبُهُ) yang mana ganti nama ini kembali atau ditujukan kepada maf'ul bih yang kedua (الْبَيْتِ).

\* Maf'ul bih yang kedua adalah ganti nama yang berhubung. Dan maf'ul bih yang pertama pula adalah kata nama zahir<sup>1</sup> seperti  
الْكَاتِبُ أَعْطَيْتُهُ قَلَمًا<sup>2</sup> (Aku telah memberi kepada penulis sebatang pen).

Maf'ul bih yang pertama adalah kata nama (قَلَمًا) manakala maf'ul bih yang kedua pula adalah ganti nama yang berhubung (هُ). Didahulukan maf'ul bih yang kedua ganti nama (هُ) daripada maf'ul bih yang pertama kata nama (قَلَمًا).

### 2.4.3 Maf'ul Bih Tiga Sahaja

Kata kerja transitif yang menasabkan tiga maf'ul bih yang pada asalnya adalah pelaku, subjek dan prediket. Ia terbentuk melalui dua cara:<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 178.

<sup>2</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1036

<sup>3</sup> al-Haydarat, ms. 406.

a) Dengan imbuhan hamzat al-naql (هَمْزَةُ النَّقْلِ) iaitu huruf hamzat yang menukarkan kata kerja tiga huruf yang pada asalnya adalah pelaku menjadi maf'ul bih yang pertama ke dalam kata kerja.<sup>1</sup> Misalnya kata kerja (عَلِمَ) yang hanya memerlukan dua maf'ul bih akan bertukar kepada kata kerja (أَعْلَمَ) dengan penambahan hamzat al-naql di awalnya sehingga ia memerlukan tiga maf'ul bih. Contohnya <sup>2</sup> أَعْلَمَ زَيْدٌ عَمْرًا مُحَمَّدًا خَيْرَ النَّاسِ (Zayd telah memberitahu kepada 'Amr bahawa Muhammad adalah sebaik-baik manusia). Maf'ul bih yang pertama adalah kata nama (عَمْرًا). Manakala maf'ul bih yang kedua pula adalah kata nama (مُحَمَّدًا) dan maf'ul bih yang ketiga pula adalah kata nama (خَيْرًا). Dalam keadaan ini, wajiblah didahulukan maf'ul bih yang pertama iaitu kata nama (عَمْرًا) dari maf'ul bih yang kedua iaitu kata nama (مُحَمَّدًا) dan maf'ul bih yang ketiga iaitu kata nama (خَيْرًا). Seterusnya wajib didahulukan maf'ul bih yang kedua iaitu kata nama (مُحَمَّدًا) dari maf'ul bih yang ketiga iaitu kata nama (خَيْرًا).

---

<sup>1</sup> al-Haydarat, ms. 406.

<sup>2</sup> Ibid.

Sebelum dimasukkan hamzat al-naql dalam kata kerja (عَلِمَ) ayat ini berbunyi عَلِمَ عَمْرٌ مُحَمَّدًا خَيْرَ النَّاسِ ('Amr mengetahui bahawa Muhammad adalah sebaik-baik manusia). Maka kata nama (عَمْرٌ) adalah pelaku kepada kata kerja (عَلِمَ). Seterusnya sebelum dimasukkan kata kerja (عَلِمَ) ayat ini berbunyi مُحَمَّدٌ خَيْرُ النَّاسِ (Muhammad adalah sebaik-baik manusia). Kata nama (مُحَمَّدٌ) adalah subjek dan kata nama (خَيْرٌ) adalah prediket.

b) Dengan penggandaan huruf tengah kata kerja seperti نَبَّأْتُ زَيْدًا عَمْرًا أَبَا فُلَانٍ<sup>1</sup> (Aku telah memberitahu Zayd bahawa 'Amr adalah bapa kepada sifulan). Maf'ul bih yang pertama ialah kata nama (زَيْدًا). Manakala maf'ul bih yang kedua ialah kata nama (عَمْرًا) dan maf'ul bih ketiga ialah kata nama (أَبَا). Seterusnya wajib didahulukan maf'ul bih yang kedua iaitu kata nama (عَمْرًا) dari maf'ul bih yang ketiga iaitu kata nama (أَبَا).

---

<sup>1</sup> al-Siraj, Juz. 1, ms. 187

Sebelum berlakunya penggandaan dalam kata kerja (نَبَأَ) ayat ini berbunyi نَبَأَ

زَيْدٌ عَمْرًا أَبَا فُلَانٍ (Zayd telah memberitahu bahawa ‘Amr adalah bapa kepada

sifulan). Maka kata nama (زَيْدٌ) adalah pelaku kepada kata kerja (نَبَأَ).

Seterusnya sebelum dimasukkan kata kerja (نَبَأَ) ayat ini berbunyi عَمْرٌ أَبُو

فُلَانٍ (‘Amr adalah bapa kepada sifulan). Kata nama (عَمْرٌ) adalah subjek

dan kata nama (أَبُو) adalah prediket.

## 2.5. Menyebut Maf‘ul Bih

Maf‘ul bih hendaklah disebut di dalam beberapa keadaan iaitu:

a) Apabila maf‘ul bih merupakan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan. Sebagai contohnya <sup>1</sup> ضَرَبْتُ زَيْدًا (Aku telah memukul Zayd).

Kata nama (زَيْدًا) adalah maf‘ul bih yang mesti disebut bagi persoalan atau

pertanyaan yang berbunyi مَنْ ضَرَبْتَ؟ (Siapakah yang telah engkau pukul?).

---

<sup>1</sup> Muhammad Muhyidin ‘Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 544

Dalam keadaan seperti ini, hendaklah disebut maf'ul bih untuk menjelaskan lagi keterangan terhadap persoalan yang dikemukakan.

b) Apabila maf'ul bih merupakan sesuatu pengecualian. Sebagai contohnya <sup>1</sup> مَا أَكَلْتُ إِلَّا الْفَاكِهَةَ (Aku telah tidak makan apa-apa pun kecuali buah-buahan sahaja). Kata nama (الْفَاكِهَةَ) adalah maf'ul bih. Ia hendaklah disebut untuk menjelaskan lagi sesuatu kenyataan.

c) Sekiranya maf'ul bih adalah sesuatu yang disanjung atau ditakjubkan. Sebagai contohnya <sup>2</sup> مَا أَحْلَى الرَّبِيعَ (Alangkah manisnya musim bunga). Kata nama (الرَّبِيعَ) adalah maf'ul bih. Ia hendaklah disebut, untuk menjelaskan lagi sesuatu kenyataan, yang mempunyai hubungan rapat dengan perasaan orang yang bercakap terhadap sesuatu perkara atau situasi.

d) Ketika agen yang menasabkan maf'ul bih tidak disebut. Sebagai contohnya <sup>3</sup> خَيْرًا لَنَا (Dia telah membawa kebaikan serta kebajikan kepada kami). Kata nama (خَيْرًا) adalah maf'ul bih. Manakala agen yang

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 180.

<sup>2</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1036.

<sup>3</sup> Babtiy, Juz. 2, ms. 1036; Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 180.

menasabkan maf'ul bih yang tidak disebut adalah kata kerja (يَجْلِبُ). Kata-kata atau ayat ini diungkapkan ketika turunnya hujan.

## 2.6. Menggugurkan Maf'ul Bih

Sekiranya maf'ul bih tidak membawa makna yang asas di dalam sesuatu ayat, ia boleh digugurkan ketika tidak mengakibatkan kecacatan terhadap ayat. Para ahli nahu menamakan maf'ul bih jenis ini dengan benda sampingan (فُضْلَةٌ).<sup>1</sup>

Pengguguran maf'ul bih dalam konteks ini untuk tujuan:

a). Penyesuaian dari sudut lafaz.

Kadangkala maf'ul bih tidak disebut demi penyesuaian bunyi.

Antaranya ialah:

(i) Untuk menjaga rangkap dalam susunan ayat (الْفَوَاصِلُ) iaitu di antara perkataan-perkataan yang akhir bagi setiap keratan ayat. Sebagai contoh

---

<sup>1</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms. 179.

<sup>1</sup> ( وَالضُّحَى وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَى مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى ) (Demi masa duha dan malam apabila ia sunyi sepi, bahawa Tuhammu (wahai Muhammad) tidak meninggalkan mu, dan Ia tidak benci kepada mu sebagaimana yang dituduh oleh kaum musyrik). Di dalam ayat suci al- Qur'an di atas, maf'ul bih yang dibuang adalah kata ganti nama bersambung (كَ) pada (قَالَكَ). Pengguguran maf'ul bih ini, iaitu kata ganti nama (كَ) bertujuan untuk menjaga kesesuaian dari sudut bunyi di antara kata kerja (سَجَى) dengan kata kerja (قَلَى).<sup>2</sup> Kedua-dua kata kerja ini dinamakan (الْفَوَاصِلُ) atau pun (الْفَاصِلَةُ).<sup>3</sup>

ii) Meringkaskan ayat serta maknanya boleh difahami.<sup>4</sup> Sebagai contohnya <sup>5</sup> ( فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا ) (Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya). Di dalam ayat al-Qur'an al- Karim di atas, maf'ul bih yang dibuang adalah kata ganti nama ( هُ ). Jika disebut maf'ul bih maka ayat ini akan berbunyi

فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا. Tujuan dibuang kedua-dua maf'ul bih ( هُ ) bagi

<sup>1</sup> Surah al-Duha, ayat 1 - 3.

<sup>2</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 75, Fadl Hassan 'Abbas, ms. 138; Abu Sa'id 'Abd al-Majid, Juz. 2, ms. 75.

<sup>3</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 75; Babsiy, Juz. 2, ms. 1036.

<sup>4</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 75.

<sup>5</sup> Surah al-Baqarat, ayat 24.



kedua-dua kata kerja (تَفَعَّلُوا) bagi mengelakkan berlakunya kejanggalan bagi gaya bahasa yang menarik.<sup>1</sup>

b) Sudut makna

(i) Bagi tujuan menghina terhadap maf'ul bih.<sup>2</sup> Sebagai contohnya<sup>3</sup> (كَتَبَ اللَّهُ لِأَعْلِينَ) (Allah telah menetapkan: “Sesungguhnya Aku tetap mengalahkan (golongan yang menentang)”). Maf'ul bih yang di buang dalam ayat al-Qur'an al-Karim ialah kata nama (الْكَافِرِينَ). Pembuangan maf'ul bih iaitu kata nama (الْكَافِرِينَ) adalah satu penghinaan yang jelas terhadap orang-orang kafir dari Allah s.a.w. Yang mana mereka ingin melawan kekuasaan Allah s.a.w Yang Maha Agung.<sup>4</sup>

(ii) Untuk mengelakkan daripada terikat dengan sesuatu tujuan yang tertentu. Sebagai contohnya<sup>5</sup> طَالَمَا أَنْفَقْتُ (selama- lama aku telah membelanjakan). Maf'ul bih yang di buang ialah kata nama (الْمَالِ). Kata-kata ini, diungkapkan oleh orang yang bersifat kedekut bagi menjawab

---

<sup>1</sup> Tilb, Juz. 2, ms. 75

<sup>2</sup> al-Diqr, ms. 442.

<sup>3</sup> Surah al-Mujadilat, ayat 21.

<sup>4</sup> al-Diqr, ms. 483

<sup>5</sup> Li. 'Abbas Hasan, Juz. 2, ms.180

cemuhan orang ramai terhadap sifatnya yang buruk. Tujuannya yang sebenar ialah untuk menutup sifatnya yang kedekut. Apabila tidak disebut maf'ul bih secara jelas, orang yang bersifat kedekut ini bebas meletakkan mana-mana maf'ul bih yang dikehendaki bagi mengelakkan ia terus dicemuh serta dicaci sifatnya yang buruk.<sup>1</sup>

## 2.7 Mendahulukan Maf'ul Bih Dari Kata Kerja

Maf'ul bih hendaklah didahulukan dari kata kerja dalam beberapa keadaan. Antaranya:<sup>2</sup>

(a) Apabila ayat tersebut mengandungi makna yang terikat dengan syarat.

Sebagai contohnya <sup>3</sup> أَيُّهُمْ تَضْرِبُ أَضْرِبُهُ (Aku akan memukul mereka yang

engkau pukul). Kata nama (أَيُّ) adalah maf'ul bih kepada kedua-dua kata

kerja (تَضْرِبُ) sebagai syarat dan kata kerja (أَضْرِبُ) sebagai jawab syarat. Di

dalam ayat ini didahulukan maf'ul bih dari kata kerja disebabkan ia mengandungi makna syarat.

---

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> al-Sayuti, Juz. 2, ms. 7

<sup>3</sup> al-Sayuti, Juz. 2, ms. 7.

(b) Apabila maf'ul bih digandingkan dengan syarat. Sebagai contohnya <sup>1</sup> كِتَابَ مَنْ تَقْرَأُ أَقْرَأُ (Buku siapa yang engkau baca aku akan bacanya). Kata nama (كِتَابَ) adalah maf'ul bih yang terikat hasil gandingannya dengan kata nama (مَنْ) melalui perantaraan kata kerja (تَقْرَأُ) sebagai syarat dan kata kerja (أَقْرَأُ) sebagai jawab syarat.

(c) Apabila ayat tersebut mengandung makna pertanyaan. Sebagai contoh <sup>2</sup> مَنْ رَأَيْتَ؟ (Siapakah yang telah engkau lihat?). Kata nama (مَنْ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (رَأَيْتَ). Ia didahulukan dari kata kerja disebabkan ayat ini merupakan pertanyaan.

(d) Apabila maf'ul bih digandingkan dengan pertanyaan. Sebagai contohnya <sup>3</sup> عُلَامَ مَنْ رَأَيْتَ؟ (Anak siapakah yang telah engkau lihat?). Kata nama (عُلَامَ) adalah maf'ul bih hasil gandingannya dengan kata nama (مَنْ) melalui kata kerja (رَأَيْتَ) yang membawa makna pertanyaan.

---

<sup>1</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 212.

<sup>2</sup> al-Sayuti, Juz. 2, ms.7.

<sup>3</sup> al-Sayuti, Juz. 2, ms. 8.

(e) Apabila maf'ul bih dinasabkan oleh jawab (أَمَّا). Sebagai contohnya

<sup>1</sup> أَمَّا الْعِلْمَ فَلَا تُهْمِلُ (Adapun ilmu maka hendaklah kamu tidak mencuaikannya). Kata nama (الْعِلْمَ) adalah maf'ul bih yang didahulukan daripada kata kerja (تُهْمِلُ). Ini disebabkan kata kerja (تُهْمِلُ) menjadi jawab syarat kepada (أَمَّا) yang bertindak sebagai syarat di dalam ayat tersebut.

(f) Apabila maf'ul bih dinasabkan oleh kata kerja suruhan yang didahului oleh huruf (أَلْفَاءُ). Sebagai contohnya <sup>2</sup> فَاصْبِرْ فَإِنْ شِئْتَ (Maka engkau hendaklah mendeklamasikan sajak). Kata nama (فَاصْبِرْ) adalah maf'ul bih yang didahulukan daripada kata kerja (إِنْ شِئْتَ). Ini disebabkan kata kerja (إِنْ شِئْتَ) digabungkan dengan huruf (أَلْفَاءُ).

---

<sup>1</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 213.

<sup>2</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 213.

(g) Sekiranya maf'ul bih merupakan partikel penyata كَمْ yang membawa makna pernyataan (خَبَرِيَّةٌ). Sebagai contohnya <sup>1</sup> كَمْ غُلَامٍ مَلَكَتْ (Betapa ramainya anak telah engkau perolehi). Kata nama (كَمْ) adalah maf'ul bih yang didahulukan daripada kata kerja (مَلَكَتْ). Ini disebabkan kata nama (كَمْ) bukan lagi digunakan untuk membawa makna pertanyaan.

## 2.8. Mendahulukan Kata Kerja Dari Maf'ul Bih

Kata kerja hendaklah didahulukan daripada maf'ul bih dalam beberapa keadaan iaitu:<sup>2</sup>

(i) Kata kerja tersebut merupakan kata kerja takjub (الْفِعْلُ التَّعْجِيبِيُّ).

Sebagai contohnya <sup>3</sup> مَا أَحْسَنَ زَيْدًا (Alangkah bagusnya Zayd). Kata nama (زَيْدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja takjub (مَا أَحْسَنَ).

---

<sup>1</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 8.

<sup>2</sup> al-Sayutiy, Juz.2, ms. 8.

<sup>3</sup> Ibid.

(ii) Apabila kata kerja disertai oleh partikel أَنْ masdariyyat.

Sebagai contohnya مِنْ الْبِرِّ أَنْ تَكْفُفَ لِسَانَكَ<sup>1</sup> (Antara kebaikan ialah engkau menjaga lidah engkau). Kata nama (لِسَانَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (تَكْفُفَ). Maf'ul bih ini hendaklah diletakkan selepas dari kata kerjanya. Ini adalah disebabkan kata nama (لِسَانَ) yang bertindak sebagai maf'ul bih merupakan maf'ul bih kepada kata kerja (تَكْفُفَ) yang disertai oleh haraf (أَنْ) yang mengandungi makna nama terbitan yang ditakwilkan.

(iii) Apabila kata kerja didahului partikel jazam. Contohnya

لَمْ أَكْفُرْ بِمَا كُنتَ تَأْتِيَنِي<sup>2</sup> (Aku telah tidak mencuaikan tanggungjawab serta kewajipan).

Kata nama (مَا كُنتَ تَأْتِيَنِي) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (أَكْفُرْ) yang disertai partikel (لَمْ) yang menjazamkannya. Dalam keadaan ini kata kerja (أَكْفُرْ) hendaklah didahulukan dari maf'ul bih (مَا كُنتَ تَأْتِيَنِي). Ini adalah disebabkan kata kerja tersebut tidak boleh dipisahkan dari haraf yang menjazamkannya, dan

---

<sup>1</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 214.

<sup>2</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 214.

di samping itu pula, haraf (م) ini hendaklah disusuli oleh kata kerja dan ia sekali-kali tidak boleh disusuli oleh kata nama.

(iv) Apabila kata kerja dimasuki penegasan.

Sebagai contohnya <sup>1</sup> أَقْرَأَنَّ الدَّرْسَ (Nescaya aku akan membaca pelajaran).

Kata nama (الدَّرْسَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (أَقْرَأُ) yang disertai nun taukid (penegasan). Mentaukidkan kata kerja (أَقْرَأُ) ini, adalah bertujuan untuk menunjukkan pengambilberatan terhadapnya. Oleh itu kata kerja hendaklah didahulukan dari maf'ul bihnya. Sekiranya maf'ul bih mendahului kata kerja tersebut, akan hilanglah tujuan pengambilberatan terhadap kata kerja tersebut. <sup>2</sup>

(v) Apabila kata kerja disertai oleh partikel lam sumpah (لَا مِ الْقَسَمِ).

Sebagai contohnya <sup>3</sup> وَاللَّهِ لَأَنْصُرَنَّ الْحَقَّ (Demi Allah bahawa sesungguhnya aku

akan sentiasa menolong kebenaran). Kata nama (الْحَقَّ) adalah maf'ul bih

kepada kata kerja (لَأَنْصُرَنَّ) yang disertai oleh (لَا مِ الْقَسَمِ) yang membawa

---

<sup>1</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 214.

<sup>2</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 216.

<sup>3</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 214.

makna sumpah. Kata kerja (لَا تُصِرْنَ) hendaklah didahulukan daripada maf'ul bih, iaitu kata nama (الْحَقِّ) disebabkan oleh kata kerja tersebut tidak boleh dipisahkan dari (لَا مَ الْقَسَمِ).

(vi) Apabila kata kerja disertai oleh partikel lam mula (لَا مَ الْإِبْتِدَاءِ).

Sebagai contohnya <sup>1</sup> لَيُضْرَبُ زَيْدٌ عَمْرًا (Nescaya Zayd akan memukul 'Amr).

Kata nama (عَمْرًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (يُضْرَبُ). Kata kerja

(يُضْرَبُ) hendaklah didahulukan dari maf'ul bih, iaitu kata nama (عَمْرًا)

disebabkan oleh kata kerja tersebut tidak boleh dipisahkan dari (لَا مَ الْإِبْتِدَاءِ)

yang membawa pengertian penekanan serta pengambilberatan terhadap sesuatu kerja yang datang selepasnya.

(vii) Apabila kata kerja didahului oleh partikel قَدْ. Sebagai

contohnya <sup>2</sup> قَدْ فَعَلْتُ الْخَيْرَ (Demi Allah sesungguhnya aku telah

---

<sup>1</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 8.

<sup>2</sup> 'Abd al-Salim Mukram, ms. 214.



melakukan kebaikan). Kata nama (الْحَيِّرَ) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (فَعَلْتُ) yang didahului oleh partikel (قَدْ). Kata kerja (فَعَلْتُ) hendaklah didahulukan dari maf'ul bihnya iaitu kata nama (الْحَيِّرَ) disebabkan kata kerja ini tidak boleh dipisahkan dari partikel (قَدْ). Di samping itu partikel (قَدْ) hanya boleh disusuli oleh kata kerja sahaja. Ia tidak boleh disusuli oleh kata nama.

(viii) Apabila kata kerja disertai oleh perkataan سَوْفَ. Sebagai contohnya <sup>1</sup> سَوْفَ أَضْرِبُ زَيْدًا (Aku akan memukul Zayd). Kata nama (زَيْدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (أَضْرِبُ) yang didahului oleh perkataan (سَوْفَ). Kata kerja (أَضْرِبُ) hendaklah didahulukan dari maf'ul bihnya iaitu kata nama (زَيْدًا) disebabkan kata kerja ini tidak boleh dipisahkan dari perkataan (سَوْفَ). Disamping itu pula, perkataan (سَوْفَ) hanya boleh disusuli kata kerja sahaja. Ia tidak boleh disusuli oleh kata nama.

---

<sup>1</sup> al-Sayutiy, Juz. 2, ms. 8.

(ix) Apabila maf'ul bih disusuli oleh partikel **أَنَّ** yang membawa pengertian sesungguhnya. Sebagai contohnya **عَرَفْتُ أَنَّكَ مُنْطَلِقٌ**<sup>1</sup> (Aku telah mengetahui bahawa sesungguhnya kamu bertolak). Kata ganti nama yang berhubung untuk pihak yang kedua iaitu (**كَ**) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (**عَرَفْتُ**). Dalam keadaan ini, kata kerja hendaklah mendahului maf'ul bih. Ini adalah disebabkan partikel (**أَنَّ**) tidak boleh dipisahkan dari maf'ul bih. Di samping itu pula, partikel (**أَنَّ**) hanya boleh disusuli oleh kata nama atau kata ganti nama sahaja. Ia tidak boleh disusuli oleh kata kerja.

## **2.9. Mendahulukan Pelaku Dari Maf'ul Bih.**

Pelaku hendaklah didahulukan dari maf'ul bih dalam beberapa keadaan.

(i) Apabila dibimbangi berlakunya kesamaran di dalam membezakan di antara pelaku dengan maf'ul bih.

---

<sup>1</sup> Ibid.

Contohnya  $\text{عَلَّمَ مُوسَى عِيسَى}$ <sup>1</sup> (Musa telah mengajar ‘Isa) kata nama (مُوسَى) adalah pelaku. Manakala kata nama (عِيسَى) adalah maf‘ul bih. Dalam keadaan ini, pelaku hendaklah mendahului maf‘ul bih. Ini adalah disebabkan tidak terdapat sebarang petunjuk yang boleh membezakan di antara pelaku dengan maf‘ul bih.

(ii) Apabila maf‘ul bih merupakan kata nama terhad dengan partikel (إِلَّا) atau pun (إِنَّمَا). Contohnya  $\text{ضَرَبَ زَيْدٌ عَمْرًا}$ <sup>2</sup> (Sesungguhnya Zayd telah memukul ‘Amr). Kata nama  $\text{زَيْدٌ}$  adalah pelaku. Manakala kata nama  $\text{عَمْرًا}$  adalah maf‘ul bih. Dalam hal ini, pelaku hendaklah mendahului maf‘ul bih. Ini adalah disebabkan untuk mengelakkan berlakunya sebarang kesamaran di dalam membezakan di antara pelaku dengan maf‘ul bih. Begitu juga apabila digunakan partikel (إِلَّا). Contohnya  $\text{مَا أَكْرَمَ سَعِيدٌ إِلَّا خَالِدًا}$ <sup>3</sup> (Sa‘id tidak memuliakan sesiapa pun kecuali Khalid). Kata nama  $\text{سَعِيدٌ}$  adalah pelaku. Manakala kata nama  $\text{خَالِدًا}$  adalah maf‘ul bih. Dalam situasi

---

<sup>1</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 9.

<sup>2</sup> Muhammad Muhyidin ‘Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 489.

<sup>3</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 11.

ini, pelaku hendaklah mendahului maf'ul bih. Ini adalah disebabkan untuk mengelakkan berlakunya kekeliruan di dalam membezakan di antara pelaku dan maf'ul bih.

(iii) Apabila pelaku merupakan ganti nama yang berhubung, manakala maf'ul bih pula adalah kata nama zahir. Contohnya أَحَبَبْتُ الْوَطَانَ<sup>1</sup> (aku cintakan negara). Kata ganti nama yang berhubung (تُ) adalah pelaku kepada kata kerja (أَحَبَّ). Ia tidak boleh dipisahkan daripada kata kerja. Manakala kata nama (الْوَطَانَ) pula adalah maf'ul bih.

(iv) Ketika pelaku bagi kata kerja adalah kata ganti nama, begitu juga maf'ul bih terdiri dari kata ganti nama. Contohnya أَكْرَمْتُهُ<sup>2</sup> (Aku telah memuliakannya). Kata ganti nama yang berhubung (تُ) adalah pelaku kepada kata kerja (أَكْرَمَ). Manakala kata ganti nama (هُ) pula adalah maf'ul bih. Dalam keadaan ini pelaku hendaklah mendahului maf'ul bih. Ini adalah disebabkan oleh kerana kata ganti nama yang berhubung memang

---

<sup>1</sup> al-Hasyimiy, ms. 117.

<sup>2</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 10.

tidak boleh dipisahkan langsung dari kata kerja mengikut tatabahasa Bahasa Arab.

## 2.10. Mendahulukan Maf'ul Bih Dari Pelaku.

Maf'ul bih hendaklah didahulukan dari pelaku dalam beberapa keadaan.

(i) Apabila terdapat kata ganti nama pada pelaku. Yang mana kata ganti nama ini ditujukan atau kembali kepada maf'ul bih. Contohnya <sup>1</sup>سَعِيدًا غُلَامُهُ (Sa'id telah dimuliakan oleh anaknya) kata nama (سَعِيدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (أَكْرَمَ). Manakala kata nama (غُلَامُهُ) adalah pelaku kepada kata kerja (أَكْرَمَ). Dalam keadaan ini, maf'ul bih hendaklah mendahului pelaku, disebabkan pelakunya iaitu kata nama (غُلَامُهُ) disertai oleh kata ganti nama yang berhubung bagi pihak ketiga. Kata ganti nama yang berhubung bagi pihak ketiga iaitu ( هُ ) dirujuk atau dikembalikan kepada kata nama (سَعِيدًا) yang merupakan maf'ul bih.

---

<sup>1</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 11.

Seterusnya mengikut tatabahasa Bahasa Arab kata ganti nama hendaklah merujuk kepada kata nama yang terdahulu darinya.

(ii) Apabila maf'ul bih merupakan kata ganti nama yang berhubung dan di samping itu pula, kata ganti nama ini berhubung terus dengan kata kerja tanpa ia dipisahkan oleh perkataan-perkataan lain di antara keduanya. Seterusnya pelaku pula terdiri dari kata nama zahir. Contohnya <sup>1</sup> كَافَأْنِي الْأَمِيرُ (Raja memberi hadiah kepada aku). Kata nama (الْأَمِيرُ) adalah pelaku kepada kata kerja (كَافَأً) manakala kata ganti nama yang berhubung (ي) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (كَافَأً). Dalam keadaan ini, maf'ul bih hendaklah mendahului pelaku. Ini adalah disebabkan kata ganti nama yang berhubung yang bertindak sebagai maf'ul bih di dalam ayat ini tidak boleh dipisahkan dari kata kerja.

(iii) Apabila pelaku merupakan kata ganti nama terhad. Contohnya <sup>2</sup> مَا ضَرَبَ زَيْدًا إِلَّا أَنَا (Tidak memukul Zayd kecuali aku). Kata nama (زَيْدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (ضَرَبَ). Manakala kata ganti nama bagi pihak pertama iaitu (أَنَا) adalah pelaku kepada kata kerja (ضَرَبَ).

---

<sup>1</sup> al-Hasyimiy, ms. 118.

<sup>2</sup> Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid, Juz. 1, ms. 488

Dalam keadaan ini hendaklah didahulukan maf'ul bih dari pelaku, untuk mengelakkan kekeliruan serta kesalahan dari sudut tatabahasa Bahasa Arab. Sekiranya didahulukan juga pelaku dari maf'ul bih ayat ini tidak akan berbunyi مَا ضَرَبْتُ أَنَا إِلَّا زَيْدًا. Malah ia akan berbunyi مَا ضَرَبْتُ أَنَا إِلَّا زَيْدًا (Aku tidak memukul kecuali Zayd). Maka kata ganti nama (ت) adalah pelaku kepada kata kerja (ضَرَبَ). Manakala kata nama (زَيْدًا) adalah maf'ul bih kepada kata kerja (ضَرَبَ) dan kata ganti nama bagi pihak pertama (أَنَا) bukan lagi merupakan pelaku mengikut tatabahasa Bahasa Arab. Tetapi ia merupakan taukid (penegasan).

(iv) Apabila pelaku terdiri dari kata nama terhad dengan partikel sama ada (إِلَّا) ataupun (إِنَّمَا). Contohnya مَا أَكْرَمَ سَعِيدًا إِلَّا خَالِدٌ<sup>1</sup> (Tidak memuliakan Sa'id kecuali Khalid). Kata nama خَالِدٌ adalah pelaku kepada kata kerja أَكْرَمَ. Manakala kata nama سَعِيدًا adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَكْرَمَ. Maka dalam keadaan ini, maf'ul bih hendaklah mendahului pelaku. Ini adalah disebabkan kata nama terhad dengan partikel إِلَّا tidak

---

<sup>1</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 9.

boleh dipisahkan sama sekali mengikut tatabahasa Bahasa Arab. Sekiranya dipisahkan juga diantara keduanya maka ayat ini akan berbunyi

مَا أَكْرَمَ خَالِدٌ إِلَّا سَعِيدًا (Khalid tidak memuliakan kecuali Sa'id). Maka pada

ketika ini bukan lagi pelaku merupakan kata nama terhad dengan partikel إِلَّا

tetapi maf'ul bih pula yang merupakan kata nama terhad dengan partikel

(إِلَّا). Maka pada ketika ini pelaku hendaklah mendahului partikel إِلَّا dan

maf'ul bih. Begitu juga apabila digunakan partikel إِنَّمَا. Contohnya

إِنَّمَا أَكْرَمَ سَعِيدًا خَالِدٌ<sup>1</sup> (Sesungguhnya yang memuliakan Sa'id ialah Khalid).

Kata nama خَالِدٌ adalah pelaku kepada kata kerja أَكْرَمَ. Manakala kata nama

سَعِيدًا adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَكْرَمَ. Maka dalam keadaan ini,

maf'ul bih hendaklah mendahului pelaku. Ini adalah disebabkan mana-

mana kata nama terhad dengan partikel إِنَّمَا ia hendaklah dikemudiankan dari

kata nama lain yang tidak terhad dengan partikel ini.

---

<sup>1</sup> al-Ghalayayniy, Juz. 3, ms. 9.



## 2.11. Bentuk-bentuk Maf'ul Bih

Maf'ul bih terdapat dalam pelbagai bentuk iaitu antaranya:

i) Kata nama jamid.

Contohnya ﴿ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا ﴾<sup>1</sup> (Dialah yang menjadikan bumi untuk kamu sebagai hamparan). Kata nama الْأَرْضَ yang merupakan kata nama jamid adalah maf'ul bih yang pertama kepada kata kerja جَعَلَ. Manakala kata nama فِرَاشًا pula yang merupakan kata nama alat adalah maf'ul bih yang kedua kepada kata kerja جَعَلَ.<sup>2</sup>

ii) Kata nama masdar.

Contohnya ﴿ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيَتِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴾<sup>3</sup> (Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib dan mendirikan (mengerjakan) sembahyang serta membelanjakan (mendermakan) sebahagian dari rezeki yang kami berikan kepada mereka). Masdar الصَّلَاةَ

---

<sup>1</sup> Surah al-Baqarat, ayat 22.

<sup>2</sup> Ibrahim al-'Abyariy, Bah. II, ms. 406.

<sup>3</sup> Surah al-Baqarat, ayat 3.

adalah maf'ul bih kepada kata kerja يُقِيمُونَ. Manakala kata ganti nama yang berhubung iaitu هُمْ pula adalah maf'ul bih kepada kata kerja رَزَقْنَا.<sup>1</sup>

iii) Kata ganti nama yang berhubung. Contohnya

( وَيَوْمَ نَحْشُرُهُمْ جَمِيعَاتَهُمْ نَقُولُ لِلَّذِينَ أَشْرَكُوا آيْنَ شُرَكَائِكُمُ الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ )

(Dan ingatlah), hari (kiamat yang padanya) kami himpunkan mereka semua, kemudian kami berfirman kepada orang-orang musyrik: “Manakala orang-orang dan benda-benda yang dahulu kamu sifatkan (menjadi sekutu Allah?)”. Kata ganti nama yang berhubung iaitu هُمْ adalah maf'ul bih kepada kata kerja نَحْشُرُهُمْ. Dalam ayat di atas juga terdapat maf'ul bih yang dibuang iaitu kata ganti nama yang berhubung هُمْ. Yang dimaksudkan denganya (هُمْ) disini ialah شُرَكَائِكُمْ.<sup>3</sup>

iv) Kata nama sifat. Contohnya <sup>4</sup> ( وَيَجْعَلُ الْحَيِّثَ بَعْضُهُ، عَلَى بَعْضٍ )

(Allah menjadikan golongan yang jahat itu setengahnya bersatu dengan

<sup>1</sup> al-Darwisy, Juz. 1, ms. 24.

<sup>2</sup> Surah al-An'am, ayat 22.

<sup>3</sup> al-'Ukbariy, ms. 487.

<sup>4</sup> Surah al-Anfal, ayat 37.

setengahnya yang lain). Kata nama الْحَيْثُ adalah maf'ul bih kepada kata kerja وَيَجْعَلُ<sup>1</sup>.

v). Kata nama mawsul. Contohnya

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا أَضَاءَتْ مَا حَوْلَهُ، ذَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَتَرَكَهُمْ فِي ظُلُمَاتٍ لَّا يُبْصِرُونَ<sup>2</sup>

(Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api itu menerangi sekelilingnya, (tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun)). Kata nama mawsul مَا adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَضَاءَ<sup>3</sup>.

vi) Jar dan majrur. Contohnya

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ فِيهِ ظُلُمَاتٌ وَرَعْدٌ وَبَرْقٌ يَجْعَلُونَ أَصَابِعَهُمْ فِي آذَانِهِمْ مِنَ الصَّوَاعِقِ حَذَرَ الْمَوْتِ وَاللَّهُ مُحِيطٌ بِالْكَافِرِينَ<sup>4</sup>

(Atau (bandingannya) seperti (orang-orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit, bersama dengan gelap gelita, dan guruh serta kilat, mereka

<sup>1</sup> Ibrahim al-Abyariy, Bah. II, ms. 409.

<sup>2</sup> Surah al- Baqarat, ayat 17.

<sup>3</sup> al-Darwisy, Jld. I, ms. 42.

<sup>4</sup> Surah al- Baqarat, ayat 19.

menyumbat jarinya kedalam telinga masing-masing mendengar suara petir, kerana mereka takut mati. (Masakan mereka boleh terlepas), sedang (pengetahuan dan kekuasaan) Allah meliputi orang-orang yang kafir itu).

Kata nama أَصَابِعُ adalah maf'ul bih yang pertama kepada kata kerja يَجْعَلُونَ.

Manakala فِيءَادَانِهِمْ yang merupakan jar dan majrur pula adalah maf'ul bih

yang kedua kepada kerja yang sama iaitu يَجْعَلُونَ.<sup>1</sup>

vii). Kata nama bilangan. Contoh

﴿إِذْ قَالَ يُوسُفُ لِأَبِيهِ يَا أَبَتِ إِنِّي رَأَيْتُ أَحَدَ عَشَرَ كَوْكَبًا وَالشَّمْسَ وَالْقَمَرَ رَأَيْتُهُمْ لِي

سَاجِدِينَ﴾<sup>2</sup>

(Ingatlah peristiwa) tatkala Nabi Yusuf berkata kepada bapanya: “Wahai ayahku! Sesungguhnya aku mimpi melihat sebelas bintang dan matahari serta bulan, aku melihat mereka tunduk memberi hormat kepadaku). Kata

nama bilangan أَحَدَ عَشَرَ adalah maf'ul bih kepada kata kerja رَأَيْتُ.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> al-Darwisy, Jld. I, ms. 48.

<sup>2</sup> Surah Yusuf, ayat 4.

<sup>3</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 235.

viii). Kata nama tanya. Contohnya

( وَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا مَثَلًا<sup>1</sup> ) (Dan kalau orang-orang kafir pula

maka mereka akan berkata: “Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?”). Kata nama tanya مَاذَا adalah maf‘ul bih mendahului kepada

kata kerja أَرَادَ.<sup>2</sup>

ix). Kata nama tunjuk. Contohnya

(وَقُلْنَا يَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ وَكُلَا مِنْهَا رَغَدًا حَيْثُ شِئْتُمَا وَلَا تَقْرَبَا هَذِهِ الشَّجَرَةَ

فَتَكُونَا مِنَ الظَّالِمِينَ)<sup>3</sup>

(Dan kami berfirman: “Wahai Adam! Tinggallah engkau dan isterimu dalam syurga, dan makanlah dari makanannya sepuas-puasnya apa sahaja yang kamu berdua sukai, dan janganlah kamu hampiri pokok ini, (jika kamu hampirinya) maka akan menjadilah kamu dari golongan orang-orang yang zalim”). Kata nama tunjuk dekat هَذِهِ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja

تَقْرَبَا.<sup>4</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al- Baqarat, ayat26.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Jld. I, ms. 69.

<sup>3</sup> Surah al- Baqarat, ayat 35.

<sup>4</sup> al-Darwisy, Jld. I, ms. 86.

x). Masdar. Contohnya

<sup>1</sup> ( لَوْ أَرَدْنَا أَنْ نَتَّخِذَ هَؤُلَاءِ لَأَخَذْنَا مِنْ لَدُنَّا إِنْ كُنَّا فَاعِلِينَ ) (Sekiranya Kami hendak mengambil sesuatu untuk hiburan, tentulah Kami akan mengambilnya dari sisi Kami, Kami tidak melakukannya). Masdar هَؤُلَاءِ adalah maf'ul bih kepada kata kerja نَتَّخِذُ.<sup>2</sup>

xi). Kata nama tunggal. Contohnya

<sup>3</sup> ( فَأَرْسَلْنَا فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ أَنْ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ إِلَهِ غَيْرُهُ, أَفَلَا تَتَّقُونَ ) (Lalu Kami mengutuskan kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka (dengan berfirman melalui Rasul itu): “Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripadaNya. Oleh itu tidakkah kamu bertaqwa kepadaNya?”). Kata nama tunggal رَسُولًا adalah maf'ul bih kepada kata kerja أَرْسَلْنَا.<sup>4</sup>

xii) Jama' taksir. Contohnya

( إِنْ بَجْتَبُوا كِبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكْفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلْكُمْ مُدْخَلًا كَرِيمًا )<sup>5</sup>

---

<sup>1</sup> Surah al-Anbiya', 17.

<sup>2</sup> Ibrahim al-Abyariy, Bah. II, ms. 414.

<sup>3</sup> Surah al-Mu'minin, ayat 32.

<sup>4</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 344.

<sup>5</sup> Surah al-Nisa', ayat 31.

(Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga)). Kata nama jama‘ taksir كَبَائِرٌ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja تَجْتَنِبُونَا<sup>1</sup>.

xiii). Jama‘ mudhakkar salim. Contohnya

( يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ اتَّقِ اللَّهَ وَلَا تُطِعِ الْكَافِرِينَ وَالْمُنَافِقِينَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا حَكِيمًا )<sup>2</sup>

Nabi! Tetaplah bertaqwa kepada Allah dan janganlah engkau patuhi kehendak orang-orang kafir dan orang-orang munafiq. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana). Kata nama jama‘ mudhakkar salim اتَّقِ الْكَافِرِينَ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja تُطِعِ<sup>3</sup>.

xiv) Jama‘ mu’annath salim. Contohnya

( إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ إِنَّا لَا نُضِيعُ أَجْرَ مَنْ أَحْسَنَ عَمَلًا )<sup>4</sup>

orang-orang yang beriman dan beramal soleh, sudah tetap kami tidak akan menghilangkan pahala orang-orang yang berusaha memperbaiki amalnya).

---

<sup>1</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 83.

<sup>2</sup> Surah al-Ahzab, ayat 1.

<sup>3</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 418.

<sup>4</sup> Surah al-Kahfi, ayat 30.

Kata nama jama‘ mu‘annath salim الصَّالِحَاتِ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja عَمَلُوا.<sup>1</sup>

xv) Kata nama mawsul. Contohnya

﴿إِنَّ الَّذِينَ يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيَّاتِ بِغَيْرِ حَقٍّ وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يَأْمُرُونَ بِالْقِسْطِ  
مِنَ النَّاسِ فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ﴾<sup>2</sup>

(Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah, akan membunuh nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil, maka sampaikanlah berita yang mengembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya). Kata nama mawsul الَّذِينَ adalah maf‘ul bih kepada kata kerja يَقْتُلُونَ.<sup>3</sup>

xvi) Maf‘ul bih berbentuk ayat boleh terbina daripada subjek dan prediket. Contohnya dalam ayat

<sup>1</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 297.

<sup>2</sup> Surah al-‘Imran, ayat 21.

<sup>3</sup> Muhammad al-Tayyib al-Ibrahim, ms. 52.



﴿ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ

فَاعْمَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ ﴿<sup>1</sup>

(Mereka berkata pula: “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat-sifat) lembu itu?” Nabi Musa menjawab: “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) diantara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya”). Maf‘ul bih bagi kata kerja يُبَيِّنُ ialah ayat مَا هِيَ yang terdiri daripada مَا sebagai subjek dan هِيَ sebagai prediket.<sup>2</sup>

## 2.12. Kesimpulan

Agen yang menasabkan maf‘ul bih ialah kata kerja transitif, kata kerja tak transitif dengan bantuan huruf jar, kata kerja yang digunakan untuk transitif dan tak transitif, kata nama pelaku, kata nama terbitan, kata nama kerja dan kata kerja andaian.

---

<sup>1</sup> Surah al- Baqarat, ayat 68.

<sup>2</sup> al-Darwisy, Jld. I, ms. 121.

Maf'ul bih terbahagi kepada tiga keadaan iaitu maf'ul bih satu sahaja, maf'ul bih dua sahaja dan maf'ul bih tiga sahaja. Maf'ul bih hendaklah disebut dalam keadaan-keadaan berikut.

- (a) Apabila maf'ul bih merupakan jawapan terhadap soalan yang dikemukakan.
- (b) Apabila maf'ul bih merupakan sesuatu pengecualian.
- (c) Sekiranya maf'ul bih adalah sesuatu yang disanjung atau ditakjubkan.
- (d) Ketika agen yang menasabkan maf'ul bih tidak disebut.

Maf'ul bih boleh digugurkan bagi tujuan penyesuaian dari sudut lafaz dan bagi tujuan penyesuaian dari sudut makna. Maf'ul bih didahulukan dari kata kerja dalam keadaan-keadaan berikut.

- (a) Apabila ayat tersebut mengandungi makna yang terikat dengan syarat.
- (b) Apabila maf'ul bih digandingkan dengan syarat.
- (c) Apabila ayat tersebut mengandungi makna pertanyaan.
- (d) Apabila maf'ul bih digandingkan dengan pertanyaan.
- (e) Apabila maf'ul bih dinasabkan oleh jawab (أَمَّا).
- (f) Apabila maf'ul bih dinasabkan oleh kata kerja suruhan didahului oleh huruf (أَلْفَاءُ).

(g) Sekiranya maf'ul bih merupakan partikel penyata (كَمْ).

Kata kerja didahulukan dari maf'ul bih dalam keadaan-keadaan berikut.

- (a) Kata kerja tersebut merupakan kata kerja takjub.
- (b) Apabila kata kerja disertai oleh partikel أَنْْ masdariyyat.
- (c) Apabila kata kerja didahului oleh partikel jazam.
- (d) Apabila kata kerja dimasuki penegasan.
- (e) Apabila kata kerja disertai oleh partikel lam sumpah.
- (f) Apabila kata kerja disertai oleh partikel lam mula.
- (g) Apabila kata kerja didahului oleh partikel (قَدْ).
- (h) Apabila kata kerja disertai oleh perkataan (سَوْفَ).
- (i) Apabila maf'ul bih disusuli oleh partikel (أَنْ).

Pelaku mendahului maf'ul bih dalam keadaan-keadaan berikut.

- (a) Apabila dibimbangi berlakunya kesamaran di dalam membezakan di antara pelaku dengan maf'ul bih.
- (b) Apabila maf'ul bih merupakan kata nama terhad dengan partikel (إِلَّا) ataupun (إِنَّمَا).
- (c) Apabila pelaku merupakan ganti nama yang berhubung, manakala maf'ul bih pula adalah kata nama zahir.

- (d) Ketika pelaku bagi kata kerja adalah kata ganti nama, begitu juga maf'ul bih terdiri dari kata ganti nama.

Maf'ul bih didahulukan dari pelaku dalam keadaan-keadaan berikut.

- (a) Apabila terdapat kata ganti nama pada pelaku yang mana kata ganti nama ini kembali kepada maf'ul bih.
- (b) Apabila maf'ul bih merupakan kata ganti nama yang berhubung dan di samping itu pula, kata ganti nama ini berhubung terus dengan kata kerja tanpa dipisahkan oleh perkataan-perkataan lain di antara kedua-duanya. Seterusnya pelaku pula terdiri dari kata nama zahir.
- (c) Apabila pelaku merupakan kata ganti nama terhad.
- (d) Apabila pelaku terdiri dari kata nama terhad dengan partikel sama ada (لَا) ataupun (إِنَّمَا).

Maf'ul bih terdapat dalam pelbagai bentuk. Antaranya kata nama jamid, masdar, kata nama masdar, kata nama sifat, kata nama mawsul, kata ganti nama yang berhubung, kata nama bilangan, kata nama tanya, kata nama tunjuk, kata nama tunggal, jama' taksir, jama' mudhakkar salim, jama' mu'annath salim, jar dan majrur dan ayat yang terbina daripada subjek dan prediket. Dari segi semantik didapati maf'ul bih wajib disebut untuk menjelaskan lagi terhadap persoalan yang dikemukakan. Maf'ul bih boleh digugurkan untuk tujuan penyesuaian dari sudut lafaz dan dari sudut makna.